



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

UCAPAN

EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI

KETUA PENGARAH

JABATAN STANDARD MALAYSIA

WEBINAR LANDSKAP:

KESEDARAN KESELAMATAN TAMAN PERMAINAN

KANAK-KANAK

2 NOVEMBER 2021

ZOOM

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang Berbahagia Datuk Dr. Jamili Nais (Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah).

Yang dihormati para penceramah jemputan, pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Tempatan daripada 26 daerah seluruh Sabah, peserta-peserta webinar seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat pagi.

Selamat datang ke Webinar Landskap: Kesedaran Keselamatan Taman Permainan Kanak-kanak berdasarkan MS 966:2017 *Playground Equipment- Safety Performance for Public Use – Specification* dan MS 2665:2017 *Playground Surfacing* Semasa Pandemik Covid-19.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan untuk turut serta dalam seminar yang diadakan secara atas talian ini.

Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan/Puan, webinar ini adalah sebahagian daripada inisiatif Jabatan Standard Malaysia dengan kerjasama Bahagian Landskap, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah untuk menyediakan platform berkongsi ilmu, memberi maklumat terkini, dan saling bertukar pendapat bersama badan-badan

berkepentingan untuk kebaikan bersama khususnya, dan seterusnya, membawa manfaat kepada negara.

Seperti sedia maklum, landskap merupakan elemen penting dalam pembangunan fizikal dan sosial masyarakat. Landskap membantu mengimbangi persekitaran perbandaran dan gaya hidup masyarakat yang sibuk melalui pembentukan ruang-ruang berfungsi yang digunakan untuk tujuan rekreasi, riadah dan lain-lain aktiviti gaya hidup sihat.

Ybhg. Datuk/Tuan-tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian,

Taman permainan kanak-kanak pastinya merupakan antara komponen utama dalam landskap perbandaran. Pemasangannya perlu dirancang, dilaksana dan diuruskan dengan teliti kerana ia merupakan satu pelaburan jangka panjang yang memberi kesan kepada persekitaran, aktiviti sosial manusia dan ekonomi setempat. Kepentingan untuk menyediakan taman permainan kanak-kanak yang standard adalah satu keperluan pada masa kini memandangkan kehendak pengguna yang semakin menitikberatkan kualiti dan ciri-ciri keselamatan serta kesihatan terutama kepada kanak-kanak yang menggunakannya.

Oleh yang demikian, Jabatan Standard Malaysia telah membangunkan 3 Malaysian Standard berkaitan taman permainan kanak-kanak iaitu:

1. MS 966:2017 *Playground equipment - Safety performance for public use - Specification (Second revision)*;
2. MS 2665-1:2017 *Playground surfacing- Part 1: Standard guide*; dan
3. MS 2665-2:2017 *Playground surfacing - Part 2: Impact attenuation of surfacing materials within the use zone of playground equipment – Specification*

yang memperincikan kriteria keselamatan dan indikator peralatan permainan kanak-kanak yang bersesuaian mengikut peringkat umur kanak-kanak.

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli jawatankuasa yang telah membangunkan MS 966 dan MS 2665 iaitu *Technical Committee on Mechanical Safety for Consumer Use* (NSC F/TC 24) dan saya juga berharap agar pihak PBT dan industri berkaitan dapat mengguna pakai kedua-dua MS dalam pematuhan spesifikasi dan reka bentuk dalam penyediaan taman permainan kanak-kanak yang selamat sekaligus dapat mempromosikan penggunaan MS tersebut.

Sebagai mengakhiri kata-kata aluan saya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir, serta jawatankuasa yang telah menjayakan webinar ini. Semoga program ini dapat berjalan dengan lancar serta mencapai matlamatnya.

Sekian.

Wa billahit taufiq wal hidaayah

Assalamualaikum w.b.t